

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK  
Tempat: HOTEL PALACE OF THE GOLDEN HORSES  
Tarikh: 29-09-2004  
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM 'MALAM GEMILANG' SEMPENA ULANG  
TAHUN KE-50 BANK RAKYAT

Yang Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim,  
Pengerusi Bank Rakyat

Yang Berbahagia Dato' Alim Ariffin, Pengarah Urusan Bank Rakyat

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Bank  
Rakyat

Ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah

Datuk-Datuk, Dif-dif Kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang  
dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah. Pertama sekali saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan restu dan InayahNya dapat kita mengadakan Majlis Makan Malam merayakan ulang tahun ke-50 penubuhan Bank Rakyat. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa berbesar hati kerana dijemput untuk turut menghadiri majlis ini dan seterusnya menyampaikan sepatah dua kata pada majlis yang sangat bersejarah dan amat bermakna ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Semalam genaplah usia 50 tahun Bank Rakyat. Dengan kesempatan yang tepat pada waktunya ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Bank Rakyat atas kejayaan mencapai usia 50 tahun. Kejayaan ini sekaligus telah membuka mata ramai pihak, terutamanya kepada mereka yang kurang yakin dengan kemampuan Bank Rakyat untuk kekal berdiri megah dan seterusnya sampai ke tahap yang sangat membanggakan seperti pada hari ini. Syabas saya ucapkan.

3. Sesiapa yang mengikuti perkembangan Bank Rakyat sejak ia ditubuhkan pada 28 September 1954 tentu tahu akan pelbagai peristiwa pahit manis yang telah mewarnai perjalanan sejarah Bank ini. Sejak ia ditubuhkan 50 tahun lalu, Bank Rakyat telah melalui beberapa episod perubahan baik dari segi fungsi, operasi mahupun

dari segi nama. Berasal dari sebuah koperasi kampung yang dikenali sebagai Bank Agong (Apex Bank) dan hanya memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli koperasi sahaja, namanya telah ditukar kepada Bank Kerjasama Malaysia Berhad pada tahun 1967 dan keahliannya mula dibuka kepada individu. Kemudian, pada bulan Januari 1973, namanya sekali lagi ditukar iaitu kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad ataupun Bank Rakyat. Pada hari ini kita berasa sangat bangga kerana Bank Rakyat telah berkembang maju sebagai sebuah bank koperasi yang berjaya dan berdiri gagah setanding dengan syarikat-syarikat gergasi di negara ini.

4. Kejayaan Bank Rakyat bukan sahaja diukur dari segi peningkatan jumlah deposit, aset, pembiayaan dan keuntungan yang diperolehi malahan menerusi sumbangan dan pencapaiannya dalam melaksanakan perbankan Islam dan memajukan gerakan koperasi di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Malaysia merupakan negara perintis yang membangunkan pasaran kewangan Islam di dunia. Kejayaan Malaysia dalam mempelopori perbankan dan kewangan Islam dijangka akan membantu menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan di peringkat serantau dan dunia dalam bidang perbankan Islam. Rangka peraturan dan pengawasan serta garis-garis panduan yang digubal oleh Bank Negara Malaysia telah meletakkan asas yang kukuh untuk membolehkan industri perbankan Islam terus berkembang seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara yang kini semakin meningkat. Peranan utama Malaysia dalam industri perbankan Islam terus dikekalkan apabila ianya dipilih sebagai sekretariat kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang ditubuhkan pada bulan November 2002.

6. Perbankan Islam di Malaysia yang mula beroperasi sejak tahun 1983, telah mencapai kadar pertumbuhan purata 37 peratus setahun, dan dijangka akan menguasai 20 peratus daripada jumlah keseluruhan aset sektor perbankan pada tahun 2010. Sektor ini juga menyumbang 10.4 peratus daripada jumlah deposit sektor perbankan negara pada tahun 2003 berbanding 7.4 peratus pada tahun 2002.

7. Keyakinan tinggi Malaysia terhadap keupayaan, prospek dan masa depan perbankan Islam di negara ini telah mendorong kerajaan meliberalisasikan sektor ini lebih awal dengan membuka peluang kepada bank Islam asing untuk memperolehi lesen dan beroperasi di negara ini pada tahun 2004. Langkah tersebut merupakan usaha kerajaan untuk mengintegrasikan perbankan Islam di negara ini ke dalam sistem global serta mempertingkatkan keupayaannya untuk bersaing dengan pusat-pusat kewangan Islam yang lain seperti di Bahrain dan Dubai.

8. Justeru, bank-bank tempatan mestilah menganggap tindakan pembukaan pasaran domestik sebagai satu dorongan dalam menghadapi

persaingan dari bank-bank asing, terutamanya selepas liberalisasi pasaran kewangan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) pada tahun 2007, yang mana akan membawa masuk produk-produk dan perkhidmatan yang lebih canggih serta inovatif ke dalam pasaran kewangan tempatan. Langkah ini juga diharapkan dapat membantu bank-bank tempatan bukan sahaja boleh bertahan dalam menghadapi persaingan dalam pasaran sendiri, tetapi juga dalam menerokai pasaran-pasaran luar, yang sudah mula dibuka kepada mereka.

9. Pasaran yang sentiasa berubah juga memerlukan bank-bank tempatan menilai semula strategi mereka bagi menangani cabaran-cabaran dalam sektor kewangan yang kian dinamik. Perubahan dari segi penawaran produk-produk inovatif dengan nilai tambah yang lebih tinggi perlu dilaksanakan. Di samping itu, pelaksanaan perbankan elektronik dan penggunaan teknologi maklumat hendaklah ditingkatkan demi menyesuaikan perniagaan dan organisasi dengan trend baru dalam sektor kewangan antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Dalam konteks ini saya gembira melihat usaha Bank Rakyat memperkenalkan strategi-strategi dan inovasi-inovasi yang baru dengan menawarkan produk-produk yang menarik dan perkhidmatan yang berkualiti. Usaha ke arah tahap perkhidmatan yang lebih tinggi turut dilihat melalui tumpuannya yang khusus dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

11. Peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan telah membantu Bank Rakyat mengukuhkan kedudukannya dalam sektor perbankan Islam yang sedang meningkat dan berpotensi besar. Penglibatan Bank Rakyat sebagai bank kedua di Malaysia yang menjalankan perniagaan dalam perbankan Islam pada tahun 1993 merupakan satu langkah berani yang wajar diberi pengiktirafan. Menjelang akhir tahun 2002 usaha tersebut sampai ke kemuncaknya apabila Bank Rakyat berjaya menukar semua portfolio konvensionalnya ke sistem Syariah dan sekaligus menawarkan produk dan perkhidmatan berlandaskan Syariah serta beroperasi sepenuhnya tanpa riba. Seperti yang kita sedia maklum, setelah 11 tahun beroperasi sebagai institusi perbankan Islam, Bank Rakyat pada hari ini berada di tahap yang cukup membanggakan.

12. Prestasi cemerlang Bank Rakyat dalam menjalankan perniagaan perbankan Islam terbukti apabila keuntungannya meningkat dari RM130.4 juta pada tahun 1999 kepada RM401.0 juta pada tahun 2003, iaitu yang tertinggi sejak penubuhannya. Kejayaan Bank Rakyat juga dapat dilihat daripada jumlah asetnya yang meningkat daripada RM8.6 bilion pada tahun 2000 kepada RM16.1 bilion pada tahun 2003. Dana pemegang saham turut meningkat kepada RM2.5 bilion pada tahun 2003 daripada RM1.9 bilion pada tahun 2002.

13. Kejayaan cemerlang Bank Rakyat ini telah mendapat pengiktirafan daripada Asian Banker 300 pada tahun 2003, di mana

menerusi kajian mereka, Bank Rakyat berada di tempat yang pertama dari segi pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti berbanding dengan 300 buah bank yang terbesar di Asia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Selain itu, pencapaian memberangsangkan yang dicapai oleh Bank Rakyat telah membolehkannya ia memainkan peranan aktif memartabatkan gerakan koperasi di negara ini. Saya difahamkan, dengan keuntungan yang meningkat dari setahun ke setahun, Bank Rakyat telah dapat menyumbang kepada pembangunan koperasi termasuk memperuntukkan sebanyak RM8.0 juta kepada Dana Amanah Pelajaran Koperasi dan RM4.0 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pada tahun 2003.

15. Saya juga dimaklumkan bahawa Bank Rakyat turut memainkan peranan aktif dalam meningkatkan penyebaran konsep Syariah kepada sektor koperasi. Taklimat berkaitan muamalat perbankan Islam dan sistem kredit Islam diberikan kepada anggota-anggota lembaga pengarah koperasi. Bank Rakyat juga memberi khidmat nasihat kepada koperasi dalam skim latihan pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu. Pada tahun 2002 juga Bank Rakyat telah memperkenalkan satu program khas untuk koperasi yang dinamakan Rakan Koop yang bertujuan memberi khidmat nasihat bagi membantu koperasi yang mempunyai potensi untuk terus maju dalam bidang masing-masing.

Bagi tujuan ini saya juga telah difahamkan bahawa Bank Rakyat telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk kegunaan koperasi-koperasi yang terpilih, dengan matlamat jangka panjang Bank Rakyat adalah untuk memastikan setiap cawangannya mempunyai sekurang-kurangnya sebuah koperasi untuk dibimbing dan diselia. Kesemua perkembangan ini amat baik dan positif serta amat dialu-alukan oleh pihak Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Pada hemat saya Bank Rakyat sudahpun mencapai tahap kejayaan sebagai bank koperasi yang unggul di Malaysia. Peranan dan sumbangan Bank Rakyat kepada gerakan koperasi di Malaysia ini sememangnya kita iktiraf seperti yang ternyata baru-baru ini apabila Bank Rakyat telah dikurniakan 'Anugerah Koperasi Negara' semasa majlis sambutan Hari Koperasi Negara 2004 pada bulan Julai lalu.

17. Walau bagaimanapun, saya berharap Bank Rakyat tidak akan berdiam diri dalam zon selesa (comfort zone) dan berpuas hati dengan kejayaan yang telah dicapai setakat ini. Pihak pengurusan Bank harus berwawasan dan berusaha mengenalpasti bidang-bidang khusus (niche areas) dalam pasaran di mana Bank Rakyat boleh membina kelebihan kompetitif sama ada di peringkat negara, serantau atau dunia.

18. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi mengucapkan tahniah

kepada Bank Rakyat atas kejayaannya sehingga dapat terus kekal ke hari ini dan seterusnya mencapai kegemilangan. Pujian dan sanjungan ini bukanlah kerana saya menjadi tetamu khas pada malam ini dan dapat "free dinner", tetapi didorong oleh penghargaan yang ikhlas. Bank Rakyat bukan setakat berjaya sebagai sebuah bank, malah juga berjaya sebagai sebuah bank Islam. Sekiranya kejayaan hari ini dapat diurus dan ditingkatkan dengan sepenuhnya, saya yakin bahawa Bank Rakyat akan dapat mengekalkan kecemerlangan dan tidak mustahil dapat muncul sebagai sebuah bank koperasi yang terulung di rantau ini.

Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.